

JUDUL : Utusan Malaysia

TARIKH : Sabtu, 16 April 2016

M/S : 30

## Karnival Semarak Jawi dapat sambutan

**KUALA LUMPUR 15 April** - Seramai 50,000 orang mendapat manfaat pembelajaran melalui Karnival Semarak Jawi yang dijayakan dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri serta penggiat tulisan jawi dan khat seluruh negara.

Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Abdul Ghaffar A. Tambi berkata, usaha itu adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk menyemarakkan semula penggunaan tulisan jawi dalam kalangan masyarakat.

"Karnival ini turut melibatkan semua penggiat dan pencinta tulisan jawi yang terdiri daripada munshi jawi, guru, pensyarah, penyelidik, penulis jawi khat dan syarikat tempatan yang terlibat dalam pembangunan perisian jawi dan khat.

"Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) turut bergerak seiring dengan era digital dan peredaran masa kini dengan mendigitalkan bahan perpustakaan dalam tulisan jawi," katanya dalam program Klinik Jawi, di sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Ketua Pengarah Perpustakaan Negara, Nafisah Ahmad.

Yang turut hadir Pengarah Pusat Media Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Dr. Nik Roskiman Abdul Samad dan Pengarah Jabatan Dasar dan Penyelidikan Dewan Ba-



**NAFISAH AHMAD** (duduk, dua dari kanan) melihat seorang murid membaca buku jawi sambil diperhatikan Rosli Abdul Ghani (berdiri, kanan) dan Nik Roskiman Abdul Samad (duduk, empat dari kanan) sempena program Klinik Jawi di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/ABDUL NAZIR MOHAMED

hasa dan Pustaka (DBP), Rosli Abdul Ghani.

Sementara itu, Nik Roskiman berkata, PNM akan meneruskan rancangan Klinik Jawi di radio IKIM.FM buat tahun keempat yang bersiaran sebanyak 90 episod dan telah ke udara sejak 2 April lalu.

"Rancangan ini akan dibim-

bing oleh Pegawai Perancang DBP, Azman Ahmad bersama penyampai radio, Faiz Othman selama 30 minit," jelasnya.

Menurut Rosli, pihaknya akan mengadakan pelbagai aktiviti bagi menarik minat masyarakat dalam tulisan jawi yang telah diperbaharui terutamanya pada bulan puasa yang akan datang.